

Perantau dan kekerabatan di Malaysia dan Minang dalam perspektif adat perpatih

by Nelmawarni Nelmawarni

Submission date: 26-Dec-2020 11:53AM (UTC+0700)

Submission ID: 1481284671

File name: Nelmawarni_-_Tautan_Budaya_Minangkabau-_Negeri_SembilanI.pdf (622.4K)

Word count: 6409

Character count: 38376



SEMINAR INTERNASIONAL

TAUTAN BUDAYA MINANGKABAU DAN MELAYU SERUMPUN

**PERANTAU DAN KEKERABATAN DI MALAYSIA DAN MINANG
DALAM PERSPEKTIF ADAT PERPATIH**

OLEH

Nelmawarni, M.Hum, Ph.D

ANJURAN BERSAMA

DPD KNPI KOTA PADANG

MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM)

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) MALAYSIA

UJANA BUKU DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MALAYSIA

KOMUNITI SUKARELAWAN BELIA MALAYSIA

SENIN, 15 FEBRUARI 2016

PERANTAU DAN KEKERABATAN DI MALAYSIA DAN MINANG DALAM PERSPEKTIF ADAT PERPATIH¹

Nelmawarni
nel_bungo@yahoo.com

Pengenalan

¹² Hubungan sejarah, ikatan darah dan tali temali kekerabatan dan kebudayaan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Minangkabau sudah sangat erat sepanjang sejarahnya. Oleh karena itu jika berbicara tentang masyarakat Semenanjung Tanah Melayu atau Malaysia, khususnya Negeri Sembilan akan sering diidentikkan dengan Minangkabau, baik dari segi adat maupun masyarakatnya. Bahkan dikatakan Kerajaan Negeri Sembilan pada mulanya adalah Kerajaan Minangkabau di Tanah Seberang, dan Negeri Sembilan adalah daerah rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. Pandangan seperti itu tidak akan muncul dengan sendirinya, tanpa mempunyai sejarah yang jelas. Wujudnya Negeri Sembilan, bermula dari kedatangan perantau Minangkabau ke daerah tersebut. Mereka datang ke Negeri Sembilan tidak hanya sekedar sebagai perantau yang memperjuangkan kehidupan ekonominya, tetapi mereka juga berjaya mendirikan sebuah kerajaan, dan menerapkan Adat Perpatih sebagai adat Negeri Sembilan. Tidak hanya di Negeri Sembilan, orang Minangkabau juga telah datang meneroka (*manaruko*) dan membuka perkampungan di kawasan-kawasan lain di Semenanjung Tanah Melayu, seperti di Melaka, Selangor, Pahang, Johor, Perak, Pulau Pinang dan kawasan lainnya. Tidak hanya sebagai peneroka, tetapi juga sebagai pedagang dan usahawan perantau Minangkabau telah mengukir sejarah di Semenanjung Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu untuk melihat kekerabatan di Malaysia dan Minang dalam perspektif Adat Perpatih, artikel ini akan mencoba menyingkap sejarah pertautan budaya kedua negara serumpun ini.

Sejarah Kedatangan Perantau Minangkabau.²

¹² Tidak dapat dikatakan dengan tarikh yang pasti bilakah orang Minangkabau mula datang ke Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Newbold ketibaan perantau Minangkabau di

¹ Makalah ini disampaikan dalam Seminar Internasional “Tautan Budaya Minangkabau dan Melayu Serumpun” sebagai bahagian dari program Myvoc Jejak Khazanah Warisan Bangsa 2016 Majlis Belia Malaysia (MBM) bersama KNPI Kota Padang, pada tanggal 15 Februari 2016.

² Perantauan pelbagai suku bangsa yang datang ke Semenanjung Tanah Melayu, boleh dibahagi atas tiga peringkat besar, iaitu: pertama hingga akhir kurun ke-18, kedua, selama kurun ke-19 hingga pertengahan kurun ke-20, ketiga, sesudah merdeka. Kedatangan suku bangsa Minangkabau, termasuk pada peringkat pertama. Bahkan dalam peringkat besar, mungkin orang Minangkabaulah yang merupakan suku bangsa Melayu selain Melayu jati yang pertama mulai bergerak dari wilayah luar ke Semenanjung, khususnya ke Negeri Sembilan baik sebagai peneroka ataupun sebagai pedagang. Orang Aceh pun tidak dapat dikatakan lebih awal dari orang Minangkabau, kerana juga tidak ada maklumat yang pasti tentang kedatangan mereka. Keberadaan mereka baru dapat dikesan dengan penglibatan mereka dalam usaha menentang orang-orang Portugis di Melaka pada abad ke-16 dan persaingan mereka dengan kesultanan lama Johor. Sementara orang Bugis sendiri, walaupun dikatakan sudah ada hubungan dagang dengan Tanah Melayu sejak abad ke-15, tetapi mereka mulai memainkan peranan penting di sini sejak akhir abad ke-17. Lihat Christian Pelras, *Penghijrahan dan Penyesuaian orang-orang Bugis di Johor, suatu Proses Perubahan Budaya*, I.K.K.M. 1991, hlm. 6-7.

Semenanjung Tanah Melayu adalah pada abad ketujuh Hijrah, bersamaan dengan abad ke-12 Masehi.³ Pendapat ini didukung oleh Favre seorang mubaligh Katolik yang mengatakan bahawa Rembau dan Naning telah diteroka oleh orang Minangkabau seratus tahun selepas Temasik dibuka oleh Tun Nila Utama. Menurutnya Temasik telah dibuka sejak tahun 1160.⁴ Ini bermakna secara tidak langsung Favre menyatakan bahawa Rembau dan Naning telah diteroka oleh orang Minangkabau sejak tahun 1260.⁵

Ooi Jin-bee pula mengatakan bahawa kedatangan perantau Minangkabau ke Negeri Sembilan³ telah berlaku dengan ramainya dalam abad ke-14.⁶ Parr dan Mackray juga mengatakan bahawa orang Minangkabau telah datang ke Semenanjung Tanah Melayu dan meneroka kawasan-kawasan yang dinamakan dengan Negeri Sembilan sekarang sejak abad ke 14. Menurutnya, Rembau telah diteroka oleh orang Minangkabau pada tahun 1388, bersamaan dengan 773 hijrah.⁷ Kemudian Abas Haji Ali pula mengatakan lebih awal lagi dari itu iaitu pada tahun 1338.⁸ Mereka datang ke Rembau untuk meneroka dan menjalankan usaha pertanian di samping berdagang.⁹

R.A.Kern juga mengatakan bahawa Albuquerque telah menyebut tentang kedatangan perantau-parantau Minangkabau di Selat Melaka pada tahun 1512.¹⁰ Kemudian, Winstedt dalam *Daghregister*, sehingga tahun 1682 nama Negeri Sembilan memang tidak pernah disebutkan, tetapi dalam sumber sejarah itu dikatakan bahawa Klang, Sungai Ujong, Naning, Rembau, Jelai

³ Newbold merupakan merupakan penulis terawal yang membincangkan tentang tarikh mula orang Minangkabau yang datang ke Rembau dan Naning. Beliau telah menulis rencana tentang Rembau dan tiga buah negeri Minangkabau yang lain di Semenanjung dalam tahun 1834. Disebabkan oleh kerana tidak ada ketiangan sejarah yang pasti tentang tarikh tersebut, beliau telah menggunakan tradisi lisan setempat sebagai petunjuk. Dengan berpandukan tradisi lisan tersebut lah beliau menterjemahkan masa kedatangan orang Minangkabau. Lihat T.J. Newbold. "Sketch of the Four Minangkabowe States in the Interior of the Malayan Peninsula", dalam J.M. Moors (ed.) 1834. hlm. 265. Lihat juga *British Settlements in the Straits of Melacca*, 2 jil. John Murray, London 1839. hlm 77-78. cet. Semula Oxford Univesrity Press. Kuala Lumpur. 1971

⁴ P.E.L. Favre "An Account of the Wild Tribes inhabiting the Malayan Peninsula", *JIAEA*, 1884. 2: 237-282

⁵ Jarak masa diantara tarik yang dikemukakan oleh Favre sebagai salah seorang penulis awal tentang kedatangan orang Minangkabau ke Rembau, adalah lebih kurang satu abad. Lihat (Favre, 1848.pp.237-82).

⁶ Pendapat ini didukung pula oleh keterangan yang mengatakan bahawa terdapat sebuah makam di Sungai Ujong Linggi. Makam tersebut adalah makam seorang yang bernama Syeikh Ahmad Makhdum, yang pembuatannya boleh dikaitkan sama atau serupa dengan batu-batu bersurat di Batu Sangkar Pagar Ruyung (Oo jin-bee, 1976. p. 123). Pada nisan tersebut terdapat tulisan huruf Arab, yang sesuai dengan tahun 1467. Dijelaskan pula pada batu nisan itu ialah di zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah Melaka. Beliau adalah seorang ulama berasal dari Minangkabau, menjadi guru dari orang-orang Minangkabau yang berpindah ke Malaya membuka tanah (Abdul Samad Idris, 1970. p.13; Hamka, 1985. p.53)

⁷ C.W.C.Parr dan W.H.Mackray. "Rembau, One the Nine States: Its History, Constitution and Customs" dalam *JSBRAS*, 56, 1910, hlm.1-57.

⁸ Abas Haji Ali, *Rembau Sejarah Perkembangan Adat dan Istiadatnya*, Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau, Rembau 1953.

⁹ Lihat A.A. Navis, *Alam Terkembang Jadi Guru, Adat dan Kebudayaan Minangkabau*, Jakarta, Pustaka Grafitipers, 1984, hlm. 94.

¹⁰ *Portuguese record About Malaka*, M.10/47. Arkip Negara Malaysia. Lihat juga (P.E.de Josselin de Jong, 1980.p.123)

Hulu Pahang, Jelebu, Johol dan Segamat adalah tempat atau kawasan itu didiami oleh orang Minangkabau.¹¹

Rasjid Manggis juga menyebutkan bahwa perantau Minangkabau telah datang ke Semenanjung Tanah Melayu pada penghujung abad ke-15. Sekitar tahun 1490-an,¹² seorang pembesar adat Minangkabau, bernama Datuk Lateh telah sampai ke Rembau. Beliau adalah pembesar Minangkabau yang pertama datang ke Semenanjung.¹³ Menurut tambo, Datuk Lateh berasal dari Batu Hampar,¹⁴ bersuku Caniago. Pengikutnya adalah orang Batu Hampar, Paya Bidara, Pagar Cincang dan Agam.

Pada awal abad ke-16 datang pula sekumpulan orang Minangkabau di Kampung Kotor (Kota) menemui Datuk Lateh. Kepala rombongan itu bergelar Datuk Lela Belang berasal dari Batu Hampar.¹⁵ Pengikut Datuk Lela Belang yang lain ialah orang-orang Mungkal, dan telah meneroka kawasan di bahagian hulu Kampung Kota bersama dengan Datuk Lateh.

Menurut Parr dan Mackray, beberapa tahun setelah ketibaan Datuk Lela Belang, datang pula satu rombongan dari Sumatera. Rombongan itu telah diketuai bersama oleh empat orang Datuk yaitu Datuk Budi dari Sri Melenggang, Datuk Laut Dalam dari Paya Kumbuh, Datuk Baginda Putra dari Batu Belang dan Datuk Putih dari Sri Lemak.¹⁶ Setiap Datuk ini diiringi oleh

⁶
¹¹ Winstedt, R.O. (1934) Negeri Sembilan The History, Polity and Beliefs on the Nine States. Dalam *Journal Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. Vol.XII, Part. III, Oct.

¹² Mungkin lebih awal daripada tahun ini. Pendapat ini dapat didukung oleh fakta sejarah yang menyebutkan bahawa terdapat sebuah makam di Sungai Ujong Linggi, iaitu makam seorang ulama yang berasal dari Minangkabau bernama Syekh Ahmad Makhdum. Beliau datang untuk menjadi guru bagi orang-orang Minangkabau yang merantau untuk membuka tanah ke Malaya. Pembuatan makam tersebut dikaitkan sama atau serupa dengan batu-batu bersurat di Batu Sangkar Pagaruyung. Pada nisan tersebut terdapat tulisan Arab, yang sesuai dengan tahun 1467, dan dijelaskan juga pada nisan tersebut iaitu pada masa pemerintahan Sultan Mansur Syah Malaka. Lihat Hamka, *Islam dan adat minangkabau*, Jakarta: penerbit Pustaka Panjimas, 1985, hlm. 53 dan A. Samad Idris, *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi sejarah dan Kebudayaan*, Seremban, 1970, hlm.13.

¹³ Menikot cerita terombo, Datuk Lateh bersal dari Batu Hampar dan bersuku Caniago. Pengikutnya adalah orang dari Batu Hampar, Paya Bidara, Pagar Cincang dan Agam. Lihat Rasjid Manggis, Dt. Radjo Penghoeloe. (1982,p.103), Hervey (1884).

¹⁴ Hervey, D.F.A. "Rembau", dalam *JSBRAS*, 13, 1884, hlm. 251.

¹⁵ Berdasarkan kepada gelaran beliau, Datuk Lela Belang adalah seorang yang bergelar di Minangkabau. (Harvey, 1884. pp. 241-58).

¹⁶ Setelah memudiki Sungai Penajis, mereka memasuki Sungai Mampong dan mudik lagi ke hulu, sehingga sampai ke kawasan di mana Sungai Mampong terpecah dua, satu menghala ke utara, Sungai Batu Hampar dan sebatang lagi menghala ke Timur, Sungai Tanjung Kling. Apabila sampai di kawasan pertemuan dua sungai itu, kelompok tersebut telah berpecah. Datuk Budi dan orangnya meneruskan lagi ke Utara, mengikut Sungai Batu Hampar. Mereka akhirnya membuat petempatan di kawasan yang terletak di tebing timur Sungai Batu Hampar, dan membuka perkampungan yang dikenal sebagai kampung Batu Hampar Sekarang. Datuk Laut Dalam serta rombongannya telah memudiki Sungai Tanjung Kling dan masuk pula ke Sungai Layang, dan membuat perkampungan di kawasan kampung Sungai Layang hari ini. Kelompok Datuk Baginda Putera telah membuka kawasan Bintongan sekarang yang terletak seberang paya (sekarang kawasan sawah padi yang telah kering) arah ke utara kampung Sungai Layang. Datuk Putih pula telah mudik lagi ke hulu dan membuka petempatan di Lubuk Rusa iaitu di kawasan kampung Selemek Hulu sekarang. (Parr,C.W.C., dan Mackray, W.H. 1910.p.3)

orang-orang setempat asal dengannya. Datuk-Datuk tersebutlah bersama pengikutnya membersihkan hutan dan membuka penempatan. Mereka telah menamakan suku-suku mereka mengikuti nama tempat asal mereka di Minangkabau.¹⁷

Begitu juga di Melaka, Shahba,¹⁸ dalam tambo Adat Perpatih Naning mengatakan bahwa orang yang mula-mula datang dari Minangkabau itu turun ke Kampar, ke Siak, ke Bengkalis, ke Bukit Batu dan mengelilingi Pulau Perca, terus menyeberang Selat Melaka, kemudian mudik Sungai Linggi ialah Datuk Perpatih Pinang Sabatang serta rombongannya. Dalam mencari tempat untuk perkampungan, Datuk Perpatih telah sampai ke satu tempat pertemuan dua sungai, yang sekarang dikenal sebagai Sungai Linggi dan Sungai Cherana Putih, yang airnya mengalir songsang. Tempat itu dinamakan oleh mereka Pulau Lelang Tiga Sejajar karena tempat itu mempunyai tiga buah pulau sejajar. Di atas sebuah pulau ditemukan oleh mereka sarang sejenis serangga yang dikenal dengan nama Naning. Maka tempat itu mereka namakan dengan Naning. Di sinilah orang Minangkabau membuka kampung dan membawa cara hidup mereka sendiri di samping menyesuaikan diri dengan penduduk tempatan. Makin lama makin ramai orang Minangkabau yang datang membuka kampung ke kawasan pedalaman.¹⁹

Di Selangor pula, walaupun negeri Selangor diperintah oleh raja yang berketurunan Bugis, namun keberadaan orang Minangkabau di Selangor tidak dapat dinafikan. Dalam tradisi merantau orang Minangkabau terdapat suatu ungkapan yang terkenal iaitu *pai ka Kolang* untuk merujuk pergi ke Semenanjung Tanah Melayu, maksudnya adalah Klang atau pelabuhan Klang. Di sinilah salah satu tempat berlabuhnya orang Minangkabau pertama kali datang ke Selangor. Di Selangor, orang Minangkabau kebanyakan bertumpu di daerah Hulu Langat, Hulu Selangor dan sekitar Kuala Lumpur. Gullick menyebutkan bahwa dalam tahun-tahun 1850-an beberapa kumpulan orang dari Sumatera telah datang untuk membuka beberapa petempatan di beberapa daerah di Selangor,²⁰ terutama di Hulu Langat.²¹ Sebahagian mereka ada yang bergiat dalam

¹⁷ Suku Paya Kumbuh misalnya bermakna bahwa mereka berasal dari Paya Kumbuh, suku Mungkal bererti mereka berasal dari daerah Mungkal Payakumbuh, suku Sri Lemak, Tiga Nenek, suku Seri Melenggang, suku Tanah Datar dan lain-lain. Oleh kerana itu 9 daripada 12 suku awal di Negeri Sembilan adalah nama-nama daerah di Minangkabau, yang menunjukkan bahawa mereka berasal dari daerah tersebut. Suku itu adalah, suku Tanah Datar, suku Batu Hampar, suku Mungka, suku Payakumbuh, suku Sri Lemak Minangkabau, Suku Sri Lemak Pahang, Suku Baru Belang, Suku seri Melenggang, Suku Tigo Batu, suku Biduanda, suku Tigo Nenek, suku anak Aceh. Nomor 1-9 adalah diambil daripada nama-nama daerah di Minangkabau. Bahkan juga ada yang menamakan kampung asalnya sebagai nama kampung baru yang mereka terokai di Semenanjung Tanah Melayu seperti kampung Batu Hampar.

¹⁸ Shahba adalah penulis Tambo Adat Perpatih Naning. Lihat Shahba, *Pusaka Naning*, Kuala Pilah Negeri Sembilan, Sentosa Store, 1951

¹⁹ Semua perkampungan orang Minangkabau di sini adalah di pedalaman dan tiada yang di tepi pantai. Oleh itu sebagaimana sekarang, mukim-mukim daerah Alor Gajah yang di pesisiran pantai bukanlah mukim-mukim Adat Perpatih. Hal ini juga disebutkan dalam perbilangan Adat Perpatih Naning "ke laut Adat Tumenggung, ke darat Adat Perpatih". Lihat Khoo Kay kim (Pnyt.), *Melaka dan Sejarahnya*, Melaka, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, 1982. Hal.44

²⁰ Pada abad ke-19, daerah-daerah yang lebih dikenali masuk di dalam Selangor adalah Bernam, Selangor, Klang, Lukut, dan Langat

²¹ Nama 'Langat dikatakan merujuk kepada nama Sungai Langat, yang mengairi daerah Kuala Langat itu sendiri. Lihat J.M.Gullik. *Sistem Politik Bumi Putera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. 1972.hlm.5. Namun menurut sumber lisan, Langat adalah berasal dari nama yang diberikan oleh orang

perlombongan biji secara kecil-kecilan di kawasan pedalaman.²² Setengah dari mereka pula kemudian berpindah ke kawasan lain yang lebih menguntungkan terutama sekali di pekan, seperti Kuala Lumpur atau kawasan yang berhampiran seperti Cheras atau Bangsar.²³

Sebagai kawasan tertua di Negeri Selangor, Hulu Langat dipercayai telah diteroka pada tahun 1860.²⁴ Kebanyakan penduduk yang tinggal di pemukiman Hulu Langat,²⁵ adalah berasal dari Minangkabau. Menurut David Radcliffe, orang-orang asal Sumatera di district Hulu Langat tersebut tidak kurang dari 80% dari seluruh penduduk pada pergantian abad ke-19.²⁶ Kemudian Naim juga mengatakan sekitar 40.000 orang Melayu di District Hulu Langat pada masa itu bahagian terbesarnya adalah keturunan Sumatera atau Minangkabau.²⁷ Pada tahun 1894 dilaporkan, telah masuk ke Hulu Langat kira-kira 1000 orang dari Sumatera yang terdiri dari orang-orang Rawa, Mandailing, Kampar dan Minangkabau. Mereka membuat tempat tinggal di daerah ini.²⁸

Minangkabau yang bermaksud 'air hangat'. Pada masa Sungai Langat menjadi sistem komunikasi pedagang-pedagang, mereka mendapati air di sepanjang jalan perdagangan ini sentiasa hangat. Lihat Ramli Saadon."Sejarah Ulu Langat". *Malawati*. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor. Bil.2.1996.hlm.39. Lihat juga Mardiana Nordin."Kuala Langat:Sejarah Awal sebelum Persemayaman Sultan" *PURBA*. Bil.26.2007.hlm.56-67.

²² J.M.Gullick. *A History of Selangor 1742-1957*. Singapore. 1960. hlm.56. Lihat juga Laidin bin Alang Musa. "The Background of the Ulu Langat Valley in Selangor", *Malayan Historical Journal*. Vol.II.No.I.1955. hlm.9

²³ Dalam masa yang sama juga terdapat beberapa orang tokoh dan ketua peneroka dari Sumatera yang sangat bergiat dalam perkembangan penerokaan kampung-kampung baru sekitar Kuala Lumpur dan Klang. Mereka kemudiannya telah dilantik sebagai Dato' Dagang untuk menjaga kawasan masing-masing. Orang Minangkabau melantik Soetan Chenga sebagai ketua mereka. Lihat Selangor 133/76 "Re nomination of Soetan Chenga the Headman of the Menangkabau People". Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 15-7-1876. Tokoh-tokoh yang lainnya ialah Haji Abdullah Hukum dan Haji Mohammad Tahir. Haji Muhamad Tahir pernah terlibat dalam perang Klang. Beliau yang juga dikenali sebagai Encik Nonggok atau Dato' Dagang Rungguk. Beliau penyoko kuat kepada Raja Mahdi. Lihat *Warta Ahad* bil. 23 bertarikh 6.10.1935.hlm.19. Merujuk kepada hasil temuramah Khazin bin Mohd. Tamrin dengan Haji Abdul Karim bin haji Mohd. Noor, ketua kampung Jawa pada 19.4.1973, mengatakan bahawa Haji Mohamad Tahir berasal dari Batu Bara Sumatera. Kedatangannya memang tidak dapat dikesan, namun maklumat dari cucunya Haji Abdul karim (Ketua Kampung Jawa di Klan) menerangkan bahawa dipercayai datuknya datang ke Selangor kira-kira dalam tahun 1850-an. Lihat juga Khazin Mohd. Tamrin. "Penghijrahan Penduduk dari Indonesia ke Selangor, Khususnya orang-orang Jawa", dalam Adnan Haji Nawang, Mohd. Fadzil Othman (ed.) *Selangor, Sejarah dan Pembangunannya*. Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lemabaga Muzium Sultan Alam Shah. Selangor Darul Ehsan. 1992.hlm. 215.

²⁴ Pemukiman Hulu Langat mengandungi enam mukim iaitu, mukim Kajang, mukim Hulu Langat, mukim Ulu Semenyih, Semenyih, Branang, dan Cheras. Lihat DOUL Annual Report for the year 1938. Arkib Negara Kuala Lumpur. hal.1; lihat Selangor Government Gazette, part.2.vol.XII, june-December, 1901.hal.401

²⁵ Luas kawasan Hulu Langat adalah 420 batu persegi, mengandungi enam mukim iaitu, mukim Kajang, mukim Ulu Langat, mukim Ulu Semenyih, Semenyih, Branang, dan Cheras. Lihat DOUL Annual Report for the year 1938. Arkib Negara Kuala Lumpur. hal.1; lihat Selangor Government Gazette, part.2.vol.XII, june-December, 1901.hal.401

²⁶ Komposisi penduduk sekarang mungkin hanya sedikit berubah, kecuali dengan masuknya orang Cina kepasar bandar Kajang, Semenyih dan Branang. David Radcliffe, "The Peopling of Ulu Langat", *Indonesia*. 8 Oct 1969

²⁷ Mochtar Naim. *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Gadjah Mada Univerty Press. Yogyakarta. 1979.hal.149

Begitu juga dengan Hulu Selangor seperti Serenda, Kampung Kalumpang, Kampung Gumut, Sejangung, kampung Bukit, Kampung Ulu dan kawasan-kawasan sekitarnya juga menjadi tumpuan para perantua Minangkabau sejak pertengahan abad ke-19.²⁹ Selain itu, orang Minangkabau juga banyak membuka petempatan di sekitar Kuala Lumpur. Menurut seorang penyelidik berbangsa Amerika William Hornaday yang melawat Kuala Lumpur pada Julai 1878 mengatakan bahawa di sepanjang tebing sungai, terdapat rumah-rumah orang Melayu yang dibina di atas kayu yang kuat 10 kaki tinggi di atas permukaan tanah liat. Rumah-rumah ini dimiliki oleh orang Melayu berketurunan Sumatera, diantaranya orang Minangkabau.³⁰ Bahkan di sekitar Kuala Lumpur terdapat beberapa kediaman atau kampung-kampung orang Minangkabau di namakan sempena nama kampung asalnya di Minangkabau, seperti Kampung Palembang dan Kampung Pua.³¹ Kampung Cangkat yang terletak dalam daerah Gombak, Kampung Simpang Tiga, Kampung Cangkat Kiri, Kampung Tengah Batu 6, dan Kampung Kuang, semuanya dibuka oleh orang Minangkabau.³²

Kemudian di Pahang, dalam *Journal Federal State Museum* dikatakan bahawa orang Minangkabau telah datang ke Pahang melalui Ulu Muar dan Sungai Bera.³³ Ulu Pahang dan kawasan di sekitar Raub dan kawasan pedalaman Pahang seperti di Pulau Tawar, Semantan, Chenor, Jelai dan Lipis adalah merupakan pusat pertempatan orang Minangkabau. Mereka adalah keturunan Minangkabau yang datang sebelum dan sesudah kedatangan Britis.³⁴

Berdasarkan salasilah Maharaja Perba Jelai, Seri Maha Raja Perba I yang menjadi nenek moyang kepada Maharaja Perba Jelai sekarang telah datang ke Pahang pada sekitar abad ke-16 dari Lima Puluh Kota Minangkabau.³⁵ Pada mulanya mereka membuat petempatan di kawasan-

²⁸ Penghijrah-penghijrah lain termasuk dari Jawa seramai 180 orang, dari Kuantan seramai 50 orang, dari Rembau seramai 311 orang, dari Jempul seramai 43 orang dan dari berbagai-bagai tempat sebanyak 189 orang. DOUL District Office Ulu Langat. 1748/94.

²⁹ Kampung Kalumpang adalah sebuah kampung yang terletak di dalam daerah Ulu Selangor, dalam Negeri Selangor. Letaknya di tepi jalan antara Kuala Lumpur ke Tanjung Malim, yang jauhnya sekitar 45 batu dari Kuala Lumpur dan 4 batu dari Tanjung Malim

³⁰ Dato' Dr. Suleiman Mohamed, Lokman Haji Mohd. Zen. 1999. *Sejarah Kampung Bahru, Di sini Awal Segalanya Bermula*. Bangi: Istitut Alam Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. hal. 87

³¹ Di kampung-kampung ini mereka hidup sebagai orang Melayu, bertanam sayur, pokok buah-buahan dan kebun getah. Sebagai pemastautin Melayu, mereka berpeluang memiliki tanah. Pada waktu-waktu tertentu banyak juga dari pada kaum lelaki mereka pergi mencari kerja ke bandar sebagai tukang kayu, tukang-tukang perbaikkan segala macam kerosakan rumah, tukang cat, tukang kebun dan lain-lain. Lihat Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*. University Gadjah Mada Press. Yogyakarta. 1979. Hal. 148

³² Lihat Farida Bt. Thalib. "Masyarakat Minangkabau di Kuang, Selangor". *Malaysia dari Segi Sejarah* Bil. 14. 1985. hlm. 66

³³ W. Linehan, "A History of Pahang" dalam *JMBRAS*, Vol. XIV, pt. 2, 1936

³⁴ Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang*, hal. 32. Manakala keturunan Dato' Bahanam pula berkeyakinan mereka berasal dari Mengkinan, Sumatera. F.A. Swettenham dalam "Journal Kept During A Journey" hlm. 20, mengatakan bahawa ayah To' Gajah adalah orang Melayu Sumatera, manakala ibunya seorang wanita Pahang.

kawasan di Triang, Sungai Bera, dan di sepanjang Sungai Semantan dan Sungai Bilut. Dalam tahun 1612, mereka berpindah ke utara ke kawasan Sungai Jelai dan sekitarnya, di sana mereka bersama-sama dengan orang asli mengusahakan perlombongan emas.³⁶ Setelah Sri Maharaja Perba I membuat kediaman tidak jauh dari muara Sungai Jelai Kecil, iaitu kawasan yang dikenali sebagai Selinsing, semakin ramai orang Minangkabau datang ke kawasan tersebut, sehingga secara tradisi Minangkabau, petempatan-petempatan yang dibuka tersebut juga disebut sebagai *rantau* Minangkabau.

Begitu juga di Pulau Pinang. Kawasan ini telah dibuka oleh tiga orang kakak beradik yang mempunyai kaitan dengan keluarga Diraja Minangkabau jauh sebelum kedatangan pedagang Inggeris yang diketuai oleh Francis Light pada tahun 1786.³⁷ Mereka adalah Nakhoda Bayan, Nakhoda Intan, dan Nakhoda Kechil. Mereka menguasai persisir Bayan Lepas dan Balik Pulau, Gelugor dan Tanjung. Nakhoda Kecil malah membantu Kapten Francis Light membangun kubu yang kemudian disebut sebagai *Fort Cornwallis*.

Di Perak pula, kebanyakan orang Minangkabau kebanyakan terdapat di Kampar, Gopeng, Tanjung Malim, Tapah, Chenor, Sungai Siput, Batu Gajah, Slim River dan Sungkai. Pada dekad 1880-an dilaporkan bahwa penduduk yang mendiami Teluk Intan bertambah banyak dengan kehadiran orang Minangkabau, Rao dan Kampar.³⁸ Di Taiping juga banyak terdapat orang Minangkabau, terutama yang berniaga di Pasar Melayu. Salah seorang keturunan Minangkabau kelahiran Perak yang terkenal di Semenanjung Tanah Melayu adalah Burhanuddin Helmy. Ayahandanya, Haji Mohd. Noor berasal dari Tanah Datar Minangkabau,³⁹ juga Ahmad Boestamam, Ayahandanya adalah seorang perantau Minangkabau dari Tanah Datar, yang telah membuka perkampungan di Behram Hulu Perak.⁴⁰

³⁵ Lihat W. Linehan, *A History of Pahang*, 1973, hlm.201. Kedatangan Seri Maharaja Perba I ke Semenanjung tanah Melayu pada abad ke-16, besar kemungkinan ada hubungannya dengan pergolakan sosial dan ekonomi yang berlaku di Minangkabau. Pertama, kerana berlakunya penambahan penduduk, dan kesulitan untuk mendapatkan tanah bagi tujuan pertanian. Kedua, Minangkabau sebagai kawasan yang kaya dengan emas, dan emas sebagai sumber kekayaan yang amat berharga untuk memartabatkan keluarga, sudah berkurangan. Lihat Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm.99-113. Ketiga, sistem kekerabatan Minangkabau yang dilematis terhadap kedudukan kaum lelaki, telah mendorong mereka untuk pergi merantau. Lihat Mochtar Naim, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, Yogyakarta, Gadjah Mada University Press, 1979, hlm. 271-280.

³⁶ R.G. Cant, "An Historical Geography of Pahang" dalam *Monographs of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, Monograph No. IV, Singapore, 1973, hlm. 21.

³⁷ Namun mungkin disebabkan oleh faktor politik penjajah, nama tokoh Melayu yang bertanggungjawab membuka Pulau Pinang itu sengaja dipadamkan dari catatan sejarah bagi menonjolkan imej Inggeris sebagai pembuka negeri ini.

³⁸ The Authorian, *Telok Anson Survey*, Vol.3. No.3.1960. Lihat juga Khoo Kay Kim, *Teluk Anson (Telok Intan)* 100 tahun, hlm. 4.

³⁹ Burhanuddin Helmy adalah aktivis dalam gerakan kebangsaan Melayu dengan menjadi penulis rencana yang disiarkan dalam majalah dan beberapa akhbar Melayu di Singapura. Beliau kemudian menerbitkan sebuah majalah bernama *Taman Bahagia*. Salah satu daripada tulisannya yang tersiar adalah tentang nasib rakyat Palestin yang teraniaya kerana imperialisme British. Lihat Ramlah Adam, *Sumbanganmu dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 124.

Kedatangan orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu berterusan dan semakin ramai sejak berdirinya kerajaan Minangkabau di Negeri Sembilan kerana mereka merasa lebih mendapat tempat dengan ada orang Minangkabau yang berkuasa di Negeri Sembilan. Begitu juga pada masa pemerintahan British, di mana peluang-peluang ekonomi semakin banyak. Tradisi itu berterusan sampai kemerdekaan Malaysia, bahkan hingga kini, kerana tradisi merantau rumpun Melayu adalah tradisi yang berkekalan dan tidak akan hilang sampai bila-bila.

Terasanya Adat Perpatih.⁴¹

Terasanya Adat Perpatih di Semenanjung Tanah Melayu dan terjalannya kekerabatan yang kuat antara Minangkabau dan Semenanjung Tanah Melayu atau Malaysia adalah akibat dari tradisi merantainya orang Minangkabau yang berterusan. Tradisi merantau orang Minangkabau telah menyatukan rumpun Melayu dalam satu kesatuan yang kuat, kerana tradisi ini terjadi perkawinan dan persemendaan antara Minangkabau dan Semenanjung Tanah Melayu. Newbold salah seorang penulis atau pencatat Inggeris yang pertama tentang Rembau, juga mengatakan bahawa sebelum kedatangan orang Minangkabau, kawasan di pedalaman seperti Rembau dan Nanning didiami oleh “rakyat hutan.”⁴² Kemudian orang Minangkabau yang datang itu telah berkahwin dengan perempuan Jakun. Pendapat itu didukung oleh Winstedt yang mengatakan bahawa orang Jakun itu telah diIslamkan oleh perantau Minangkabau,⁴³ sehingga orang-orang Jakun tersebut menganut agama Islam dan hidup dalam perkampungan orang Minangkabau dan diberi nama baru yaitu *orang Biduanda*.⁴⁴

Di samping itu, ada kemungkinan “budaya” perantau Minangkabau yang datang terlihat lebih daripada anak watan, sehingga disebutkan dalam terombo atau perbilangan Negeri Sembilan: *Gagak hitam, gagak senoi, turun dari bukit, berkaki empat, Bangau putih, datang dari laut, berkepak sayap*.⁴⁵ Perbilangan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama menggambarkan tentang penduduk tempatan semasa kedatangan perantau Minangkabau. Kebanyakan pengkaji adat dan sejarah Negeri Sembilan menafsirkan ungkapan “gagak hitam” dalam perbilangan tersebut adalah menggambarkan orang asli atau orang asal Rembau. Perkataan “bukit” itu pula menerangkan tempat tinggal mereka yakni di kawasan hutan di

⁴⁰ Ramlah Adam, *Sumbanganmu dikenang*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm.154.

⁴¹ Adat Perpatih adalah adat yang berlandaskan sistem matrilineal atau nasab ibu. Negeri Sembilan Malaysia adalah salah satu masyarakat pengamal Adat Perpatih di Semenanjung Tanah Melayu dan masyarakat Minangkabau adalah sebagai induknya

⁴² Newbold, T.J., “Sketch of the Four Menangkabowe States in the Interior of the Malayan Peninsula, dalam J.M.Moors (ed.), 1834, hlm. 255; Newbold, T.J. *British Settlements in the Straits of Malacca*, 2 jil. John Murray, London, 1839, hlm. 77, cet semula Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.

⁴³ Winstedt. R.O, “History of Negeri Sembilan” dalam *JMBRAS*, 12,1934, hlm. 43.

⁴⁴ Biduanda adalah bahasa yang digunakan kepada saudara baru Islam pada zaman Kesultanan Melaka. Lihat Winstedt. R.O. “History of Negeri Sembilan” dalam *JMBRAS*, 12,1934 hlm.43; Wilkinson, R.J, *A Malay-English Dictionary*, 2 jil. Macmillan & Co. Ltd., London, 1955, hlm.137-138.

⁴⁵ Lihat Norhalim Hj.Ibrahim, *Negeri Yang Sembilan, Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*, Shah Alam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1995, hlm. 131.

3 pedalaman atau di kawasan bukit. Ini bersesuaian dengan istilah yang dipergunakan oleh Newbold sebagai “rakyat hutan”. Bahagian kedua perbilangan itu memperihalkan tentang etnik perantau Minangkabau. Mereka yang dilambangkan sebagai “bangau putih” datang dari arah laut, yaitu Selat Melaka. Mereka datang mungkin dengan perahu layar, yang dalam perbilangan itu dilambangkan sebagai “berkepak sayap”.⁴⁶

Oleh kerana latarbelakang budaya dan pengalaman yang lebih maju jika dibandingkan dengan anak watan yang kebanyakan adalah komuniti orang asli, maka golongan perantau Minangkabau dengan mudah menyesuaikan diri dan berintegrasi. Namun walaupun tidak ada penentangan, perantau Minangkabau juga merasa perlu menjalin hubungan baik dengan anak watan. Seperti dengan bentuk cara bertolak ansur dan asimilasi melalui perkahwinan dengan gadis tempatan atau secara akomodasi melalui penerimaan atau pengakuan hak anak watan. Oleh kerana latarbelakang budaya yang lebih maju itu dan asimilasi serta akomodasi tersebut lah perantau Minangkabau berkemampuan melaksanakan tradisi mereka di tempat baru itu. Dengan cara inilah sistem Adat Minangkabau diasaskan sebagai tradisi dominan di perkampungan baru tersebut.⁴⁷

Dengan demikian dapat dikatakan bahwa perkembangan petempatan perantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu, terutama di Negeri Sembilan mengandungi tiga tahap yang berjalan secara serentak. Ia bermula dengan kompromi politik budaya, diikuti dengan proses pengambilan tanah dan kegiatan ekonomi yang sehubungan, dan akhirnya mengasaskan sistem adat dan tradisi yang berkaitan dengannya. Dengan kata lain, Adat Perpatih telah diasaskan di Negeri Sembilan sebagai suatu bentuk ideologi untuk melengkapi proses merantau para perantau Minangkabau.

Sebagai rantau dengan berlakunya proses atur cara tolak ansur, susunan dan struktur keseluruhan masyarakat dan adat di Negeri Sembilan tidak menyerupai benar seperti yang terdapat di Minangkabau. Tradisi adat yang dibentuk ini kemudiannya berkembang dalam satu bentuk yang mencerminkan keadaan setempat, dengan cirinya yang tersendiri sesuai dengan keadaan khusus yang bercorak Negeri Sembilan. Hasilnya, wujudlah satu sistem adat yang mempunyai falsafah Minangkabau, tetapi berbentuk adat Negeri Sembilan. Adat Negeri Sembilan ini menjadi satu variasi tempatan Adat Minangkabau, dan mungkin untuk mengekalkan semangat perhubungan dan perkaitan antara Negeri Sembilan dengan negeri

3⁴⁶ Selain daripada menyatakan asal usul dan arah mana datangnya kedua-dua etnik tersebut, perbilangan ini juga melambangkan dan membandingkan taraf tamaddun yang telah mereka capai. Kata-kata “gagak hitam, senoi” dan “berkaki empat” adalah lambang kiasan suatu pencapaian taraf hidup yang masih rendah. Sebaliknya pula kata-kata “bangau putih” dan “berkepak sayap” adalah simbol yang menyatakan tamadun puak pendatang yang agak tinggi. Ungkapan berkepak sayap misalnya dapat diandaikan sebagai pernyataan orang yang telah berjaya menggunakan perahu layar, orang telah berjaya menguasai air dan laut, orang yang telah mencapai satu taraf teknologi pelayaran serta mungkin juga bermaksud orang telah dapat membebaskan diri daripada belunggu alam semula jadi. Ungkapan “berkaki empat” pula menggambarkan keadaan sebaliknya. Mereka yang berkaki empat dapat dimaksudkan sebagai masih terbelunggu dengan keadaan alam semula jadi. Pendek kata, orang masih belum meningkat dalam penggunaan teknologi.

2⁴⁷ Tan Sri A. Samad Idris, Norhalim Hj Ibrahim, Haji Muhammad Tainu, Dharmala N.S, *Negeri Sembilan: Gemuk Berpupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, Diterbitkan oleh Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 1994, hlm. 169.

induknya Minangkabau, maka dinamakanlah adat itu sebagai *Adat Perpatih*.⁴⁸ Selanjutnya sistem adat tersebut menjadi lebih kuat dan mempunyai legalitas yang jelas setelah berdirinya Kerajaan Negeri Sembilan yang diasaskan oleh oleh perantau Minangkabau itu sendiri.

Begitu juga dengan proses terasas kerajaan Negeri Sembilan itu sendiri adalah melalui masa yang panjang. Sejak dari awal kedatangan perantau Minangkabau hingga berdirinya kerajaan Negeri Sembilan, memakan masa lebih kurang enam abad. Keseluruhan proses merantau itu mengalami beberapa tahap yang berjalan secara perlahan seperti yang disebutkan dalam perbilangan Negeri Sembilan: *Bertali ke Siak, Berpangkalan ke Melaka, Beraja ke Johor, Bertuan ke Minangkabau*.

Pengamal Adat Perpatih di Malaysia

Masyarakat Adat Perpatih di Malaysia, terutama di Negeri Sembilan dipandang unik dibanding dengan masyarakat Melayu lainnya yang memakai sistem *Adat Temenggung*. Adat inilah yang membedakan masyarakat Melayu Negeri Sembilan dengan masyarakat Melayu di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Walaupun bilangan masyarakat pengamal Adat Perpatih di Malaysia ini relatif kecil, namun keunikan sistem kekeluargaan, sosial, politik, ekonomi dan adatnya telah menarik minat pemerhati-pemerhati luar dan lokal sejak berabad-abad yang lalu. Sehubungan dengan itu pernah dikatakan, bahwa kajian mengenai Negeri Sembilan adalah lebih banyak dibandingkan kajian tentang negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.⁴⁹ Bahkan kedudukan wanita Negeri Sembilan yang terserlah terkadang disalahtafsirkan sebagai “*queen control*” oleh sebagian pandangan, sehingga tidak jarang pemuda dari negeri lain “takut” menikah dengan wanita Negeri Sembilan.

Adat Perpatih di Malaysia tidak saja diamalkan di Negeri Sembilan, tetapi juga di Nanning Melaka, karena sebelumnya daerah ini termasuk ke dalam Negeri Sembilan tradisional. Di Negeri Sembilan terdapat enam dari tujuh daerah yang mengamalkan Adat Perpatih, yaitu Jelevu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Tampin,⁵⁰ serta 12 kelompok suku utama,

⁴⁸ Nama Adat Perpatih adalah sempena nama gelaran orang yang menyusun Adat Tua Sakato, yakni adat yang diamalkan di Minangkabau, Datuk Perpatih Nan Sabatang. Lihat Norhalim Hj. Ibrahim, *Adat Perpatih, Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar bakti Sdn.Bhd, 1981, hal.94

⁴⁹ Tan Sri. A.Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, Haji Muhammad Tainu, Dharmala N.S. *Negeri Sembilan: Gemuk Berpupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*. 1994. Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan Darul Ke-16. Hal.xx. Lihat juga Josselin de Jong, P.E., 'A' Review of Gullick's *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, *Bijdragen Tot De Taal, Land en Volkenkunde*, 116, hal.379-384

⁵⁰ Secara adat daerah-daerah ini terbagi kepada beberapa luak yaitu Luak Rembau, Luak Sungai Ujung, daerah Seremban dan sebagian dari Port Dickson) Luak Jelevu, Luak Johol (di daerah Kuala Pilah dan Tampin) Luak Gunung Pasir, Luak Ulu Muar, Luak Terachi, Luak Inas (dalam daerah Kuala Pilah), Luak Jempol dan Luak Tampin. Wilayah bukan Adat Perpatih adalah daerah Port Dickson. Adat ini diamalkan oleh 12 kelompok suku, iaitu suku Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Sri Melenggang, Sri Lemak, Batu Belah, Tanah Datar, Anak Melaka, Anak Aceh, dan Tiga Batu.

iaitu suku Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Sri Melenggang, Sri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Tiga Batu, Biduanda, Anak Melaka dan Anak Aceh.⁵¹

Sedangkan di Nanning yang sekarang termasuk ke dalam Negeri Melaka terdapat 25 kampung yang mengamalkan Adat Perpatih. 22 kampung terdapat dalam mukim Alor Gajah dan 3 kampung dalam mukim Yasin. Kampung tersebut adalah: Ramuan Cina Besar, Ramuan Cina Kecil, Sungai Baru Ulu, Masjid Tanah, Sungai Siput, Berisu, Pulau Sebang, Tanjung Rimau, Padang Sebang, Gadek, Melaka Pindah, Rembia, Ayer Pak Abas, Lendu, Sungai Buluh, Melekek, Tabuh Nanning, Pegoh, Kelemak, Sungai Petai, Kemuning, Tebong, Batang Melaka, Jus dan Nyalas. Selain di Negeri Sembilan dan Nanning, Kampung Lukut di Kota Tinggi Johor dan Kampung Sasapan Batu Rembau di Selangor penduduknya juga mengamalkan Adat Perpatih.

Kesimpulan

Dengan demikian dapat dikatakan bahwa kedatangan perantau Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu, tidak hanya sekedar sebagai perantau. Mereka telah berjaya membuka dan membina sederetan kampung-kampung baru di beberapa negeri di Semenanjung Tanah Melayu, dan telah mendirikan sebuah kerajaan di Negeri Sembilan serta melembagakan sistem sosial Minangkabau. Adat yang diwarisi dan pusakai dari nenek moyang mereka di Minangkabau, bukan saja menjadi kebiasaan bagi orang melayu Negeri Sembilan dalam percaturan hidup bermasyarakat sehari-hari. Lebih dari itu, Adat Perpatih adalah hukum yang terjelma dalam sistem sosial masyarakatnya, di samping dipakai juga dalam pentadbiran negeri, yang terjalin dalam konsep demokrasi, dan Adat Perpatih sekaligus juga adalah peraturan hidup bermasyarakat dan berpolitik.

Hubungan kekerabatan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Minangkabau sudah terbangun sejak awal kedatangan orang Minangkabau ke daerah tersebut, dan berterusan karena tradisi merantau hingga kini. Keberadaan masyarakat Negeri Sembilan tidak dapat tidak dikaitkan dengan perantau Minangkabau. Sejarah telah membuktikan, bahwa dengan adanya 9 dari 12 suku asal di Negeri Sembilan adalah nama-nama daerah di Minangkabau, dapat untuk membuktikan bahawa masyarakat Negeri Sembilan adalah sebahagian besar berasal dari Minangkabau. Selain itu, dengan terasasnya Adat Perpatih di Negeri Sembilan sebagai adat rezam yang mereka warisi turun-temurun, tidak dapat dipungkiri bahwa adat itu berasal dari Minangkabau. Kendatipun tidak hanya suku Minangkabau yang memakai sistem nasab ibu di dunia, namun sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan walaupun tidak bagaikan pinang dibelah dua dengan sistem adat di Minangkabau, namun sebagai rantau dengan berlakunya proses atur cara tolak ansur, sistem adat Negeri Sembilan berdasarkan falsafah Adat Minangkabau dan Adat Negeri Sembilan menjadi satu variasi tempatan Adat Minangkabau. Untuk mengekalkan semangat perhubungan dan perkaitan antara Negeri Sembilan dengan negeri induknya Minangkabau, maka dinamakanlah adat itu sebagai *Adat Perpatih*.

⁵¹ Sembilan dari 12 nama suku tersebut adalah nama daerah di Minangkabau sebagai daerah asal masyarakat suku tersebut.

Referensi

- A.A. Navis, 1988. *Alam Terkembang Jadi Guru, Adat dan Kebudayaan Minangkabau*. Jakarta: Pustaka Grafitipers
- Abas Haji Ali, 1953. *Rembau Sejarah Perkembangan Adat dan Istiadatnya*, Rembau: Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau
- Abdul Samad Idris, 1970, “Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan, Suku dan Hal Adat Istiadat” dalam *Dewan Masyarakat* 8(9): 36-36&60
- A.Samad Idris, Norhalim Hj Ibrahim, Haji Muhammad Tainu, Dharmala N.S, 1994. *Negeri Sembilan:Gemilang Berpupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*, Negeri Sembilan Darul Khusus: Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus
- Dato’ Dr. Suleiman Mohamed, Lokman Haji Mohd.Zen. 1999. *Sejarah Kampung Bahru, Di sini Awal Segalanya Bermula*. Bangi: Istitut Alam Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
- David Radcliffe, “The Peopling of Ulu Langat”, *Indonesia*. 8 Oct 1969
- DOUL Annual Report for the year 1938. Arkib Negara Kuala Lumpur: Selangor Government Gazette, part.2.vol.XII, june-December, 1901.hal.401
- DOUL District Office Ulu Langat.1748/94.
- Farida Bt. Thalib, 1985. “Masyarakat Minangkabau di Kuang, Selangor“. *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil.14.
- Favre, P.E.L, 1884. “An Account of the Wild Tribes inhabiting the Malayan Peninsula”, *JIAEA*, Vol. 2: 237-282
- Hamka, 1985. *Islam dan Adat Minangkabau*, Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas
- Hervey, D.F.A. “Rembau”, dalam *JSBRAS*, 13, 1884, hlm. 251.
- Ismail Hamid, *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- J.M.Gullick, 1972. *Sistem Politik Bumi Putera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- J.M.Gullick, 1990. *A History of Selangor 1742-1957*. Singapore..
- Josselin de Jong, P.E., A’ Review of Gullick’s *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, *Bijdragen Tot De Taal, Land en Volkenkunde*, 116, hal.379-384
- Khazin Mohd. Tamrin, 1992. “Penghijrahan Penduduk dari Indonesia ke Selangor, Khususnya orang-orang Jawa”, dalam Adnan Haji Nawang, Mohd. Fadzil Othman (ed.) *Selangor, Sejarah dan Pembangunannya*. Selangor Darul Ehsan: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lemabaga Muzium Sultan Alam Shah.
- Khoo Kay kim (Pnyt.), 1982. *Melaka dan Sejarahahnya*, Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka
- Khoo Kay Kim, *Teluk Anson (Telok Intan) 100 tahun*

- 1 Laidin bin Alang Musa, 1955. "The Background of the Ulu Langat Valley in Selangor", *Malayan Historical Journal*. Vol.II.No.I
- 1 Mardiana Nordin 2007. "Kuala Langat:Sejarah Awal sebelum Persemayaman Sultan" *PURBA*. Bil.26.
- Mochtar Naim, 1971. *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*, Yogyakarta, Gadjah Mada University Press
- 2 Newbold, T.J, "Sketch of the Four Menangkabowe States in the Interior of the Malayan Peninsula, dalam J.M.Moors (ed.), 1834, hlm. 255
- Newbold, T.J. 1939. *British Settlements in the Straits of Malacca*, 2 jil. John Murray, London, 1839, hlm. 77, cet semula 1971, Kuala Lumpur: Oxford University Press
- 10 Norhalim Hj.Ibrahim, 1995. *Negeri Yang Sembilan, Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- 10 Norhalim Hj.Ibrahim, 1981. *Adat Perpatih, Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar bakti Sdn.Bhd
- 4 Oo jin-bee, 1976, *Peninsular, Malaysia*, Hong Kong
- Parr, C.W.C dan Mackray, W.H. 1910. "Rembau, One the Nine States: Its History, Constitution and Customs" dalam *JSBRAS*, 56, hlm.1-57.
- 1 Pelras, Christian, 1991. *Penghijrahan dan Penyesuaian orang-orang Bugis di Johor, suatu Proses Perubahan Budaya*, I.K.K.M.
- Portuguese record About Malaka*, M.10/47. Arkip Negara Malaysia.
- 6 Winstedt, R.O. (1934) *Negeri Sembilan The History, Polity and Beliefs on the Nine States*. Dalam *Journal Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. Vol.XII, Part. III, Oct.
- 2 Wistedt. R.O, "History of Negeri Sembilan" dalam *JMBRAS* ,12,1934, hlm. 43.
- 8 Wilkinson, R.J, 1955. *A Malay-English Dictionary*, 2 jil. Macmillan & Co. Ltd. London,
- 1 Ramli Saadon."Sejarah Kuala Langat". *Malawati*. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor. Bil.2.1996.hlm.39.
- Ramlah Adam, 2002. *Sumbanganmu dikenang*, 5 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R.G. Cant, 1973. "An Historical Geography of Pahang" dalam *Monographs of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, Monograph No. IV, Singapore
- 1 Samad Idris, 1970. *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi sejarah dan Kebudayaan*, Seremban.
- Shahba, 1951. *Pusaka Naning*, Kuala Pilah Negeri Sembilan, Sentosa Store
- 1 Selangor 133/76 "Re nomination of Soetan Chenga the Headman of the Menangkabau People". *Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor* .
- Warta Ahad* bil. 23 bertarikh 6.10.1935.
- W.Linehan, 1936. "A History of Pahang" dalam *JMBRAS*, Vol.XIV, pt.2

Perantau dan kekerabatan di Malaysia dan Minang dalam perspektif adat perpatih

ORIGINALITY REPORT

20%

SIMILARITY INDEX

19%

INTERNET SOURCES

5%

PUBLICATIONS

8%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1

pt.scribd.com

Internet Source

7%

2

Submitted to Universiti Kebangsaan Malaysia

Student Paper

4%

3

sukubatubelang.blogspot.com

Internet Source

2%

4

ejournal.upi.edu

Internet Source

1%

5

www.scribd.com

Internet Source

1%

6

minpaku.repo.nii.ac.jp

Internet Source

1%

7

www.slideshare.net

Internet Source

1%

8

repo.unand.ac.id

Internet Source

1%

9

waris-gadong.blogspot.com

Internet Source

1%

10

studentsrepo.um.edu.my

Internet Source

1%

11

ejournal.ukm.my

Internet Source

1%

12

myais.fsktm.um.edu.my

Internet Source

1%

Exclude quotes Off

Exclude matches < 1%

Exclude bibliography On